

LAPORAN KAJIAN
PENAMBAHBAIKAN
KURIKULUM
KELAS AGAMA DAN FARDHU AIN (KAFA)

Rosnani Hashim
Adnan Abd Rashid
Aderi Che Noh
Mohammad Zaini Yahaya
Zulquarnain Ali
Lina Mursyidah Hamzah

Jawatankuasa Sukatan Pelajaran & Kurikulum, LEPAI
Bahagian Kemajuan Islam, JAKIM
2017

Laporan Kajian Penambahbaikan Kurikulum Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA)

© Rosnani Hashim, Aderi Che Noh, Adnan Abd Rashid, Mohammad Zaini Yahaya,
Zulquarnain Ali, Lina Mursyidah Hamzah, 2017

Kajian Penyelidikan ini telah dilaksanakan di bawah pembiayaan geran penyelidikan
Bahagian Kemajuan Islam,
JAKIM.

ABSTRAK

Laporan Kajian Penambahbaikan Kurikulum Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA)

© Rosnani Hashim, Aderi Che Noh, Adnan Abd Rashid, Mohammad Zaini Yahaya, Zulquarnain Ali, Lina Mursyidah Hamzah, 2017

Kajian Penyelidikan ini telah dilaksanakan di bawah pembiayaan geran penyelidikan Bahagian Kemajuan Islam, JAKIM.

Pendidikan Islam sememangnya suatu mata pelajaran yang diberi perhatian yang berat dalam Pendidikan Kebangsaan menerusi Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah pada tahun 1980an. Bagaimanapun memandangkan bahawa pelajar masih tidak dapat menguasai kemahiran yang asas seperti bacaan al-Qur'an dengan bertajwid, hafazan surah-surah lazim untuk dibaca waktu solat, amali solat, celik jawi dan sebagainya, Kelas al-Qur'an dan Fardhu Ain (KAFA) telah diperkenalkan secara rasmi pada tahun 1990 dibawah LEPAI dan diuruskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sejak itu beberapa perubahan telah dilaksanakan untuk memantapkan lagi pengajaran dan pembelajarannya khususnya dengan pengenalan J-QAF yang menekankan kemahiran Jawi, al-Qur'an, Bahasa Arab dan Fardhu Ain pada tahun 2005. Setelah ini dilaksanakan, pihak pelaksana mendapati wujud beberapa isu-isu pertindihan sukatan pelajaran Pendidikan Agama Islam KPM (J-QAF) dan KAFA yang mungkin mempunyai kesan-kesan positif dan negatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Kurikulum LEPAI mencapai keputusan untuk mengkaji isu ini secara lebih mendalam melalui kajian ini.

Kajian ini meliputi guru dan murid KAFA seluruh negara dengan menggunakan kedua-dua kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Bagi kaedah kuantitatif, ia melibatkan pengumpulan data menerusi soal selidik guru dan murid, dan analisis statistik data pencapaian murid Tahun 5 dalam Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) bagi tahun 2012-2015 dalam semua bidang yang dipelajari. Bagi kaedah kualitatif, data diperolehi melalui perbincangan kumpulan fokus dengan guru dan murid daripada setiap zon kajian di Malaysia. Sampel kajian soal selidik terdiri daripada 839 orang guru KAFA tulen dan KAFA/SK, dan 922 orang murid. Peserta bagi perbincangan kumpulan fokus terdiri daripada guru dan murid daripada 12 buah sekolah terletak di Sarawak, Sabah, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kelantan, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Hasil kajian mendapati bahawa pencapaian murid dalam UPKK adalah memuaskan dengan min markah mengatasi 70 peratus di mana pencapaian Amali Solat, Penghayatan Cara Hidup Islam (PCHI) dan Al-Qur'an mendahului semua subjek lain dengan pencapaian mengatasi 98% bagi sepanjang Tahun 2012-2015. Bagaimanapun kebanyakannya soalan UPKK berada pada tahap kemahiran berfikir aras rendah. Kajian juga menemui pertindihan yang ketara antara kurikulum KAFA dan KSSR tetapi data kedua-dua kaedah dan kedua-dua pihak guru dan murid menunjukkan kesan yang positif iaitu ia merupakan pengukuhan yang diperlukan. Kajian juga menemui beberapa kekurangan dan kekuatan sukatan pelajaran KAFA, pedagogi yang guru gunakan, pentaksiran pengajaran yang beraras rendah, dan mengemukakan beberapa cadangan bagi penambahbaikan kurikulum khususnya kandungan sukatan pelajaran dan peningkatan keprofesionalan para guru melalui kursus peningkatan.

PENGHARGAAN

Ahli Panel Pasukan Penyelidikan Penambahbaikan KAFA ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada yang berusaha Prof Emeritus Dato' Paduka Dr Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, Timbalan Pengerusi LEPAI merangkap Pengerusi Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Kurikulum LEPAI kerana mencetuskan idea untuk melaksanakan penyelidikan ini sebagai satu usaha untuk mencari bukti empirikal tentang perkara yang berkaitan dengan kurikulum KAFA dan pelaksanaannya. Kami juga ingin memanjangkan perasaan syukur kepada semua Ahli Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Kurikulum KAFA khususnya Profesor Dato' Zakaria Stapa, atas pandangan-pandangan yang bernes semasa penyelidikan masih dalam prosesnya, dari seawal-awal perbincangan soalan kajian sehingga peringkat pembentangan hasil kajian.

Terima kasih juga kami panjangkan kepada jentera JAKIM, khususnya Puan Hajah Hakimah Hj M Yusof, Pengarah, Bahagian Kemajuan Islam (BKI), Puan Nor Hanim Abd Halim, Ketua Seksyen Pendidikan BKI dan Ustaz Ahmad Tarmizi Ahmad, Bahagian Peperiksaan BKI, atas keprihatinan mereka terhadap segala keperluan kajian dari segi geran pembiayaan penyelidikan, mendapatkan sampel guru dan sekolah bagi kajian rintis dan seterusnya sampel guru bagi soal selidik sehingga ke guru dan sekolah yang dilawati bagi tujuan Perbincangan kumpulan fokus. Tanpa kerjasama ini mungkin Pasukan Penyelidik akan mengambil masa yang lebih lama lagi.

Sekalung budi juga kami ucapkan kepada semua ahli jawatankuasa panel penyelidik yang terdiri daripada guru sekolah menengah kebangsaan Ustazah Salina Busrowi dan Ustaz Zulhakim Munjari, guru sekolah kebangsaan Ustazah Dalilah Safaron, guru KAFA Puan Noraini Awang, Puan Mazuira Sarmani dan Puan Normalina Zakaria, Dr Hasni Mohammad, CEO, Sekolah Islam Adni, dan pakar jemputan, Pn Nor Azza Ibrahim, Sektor Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih juga dihulurkan kepada penyelia KAFA dan guru-guru di seluruh Malaysia yang terlibat dalam penyelidikan ini. Kami telah menerima layanan yang amat baik di semua sekolah yang kami lawati, alhamdulillah.

Akhir sekali kami tidak akan lupakan jasa Pn Khairuljannah Abdullah dan Ust Mohd Firdaus Mohd Sahani yang menjadi nadi penyelidikan yang sentiada mengingatkan kami untuk terus maju mencapai sasaran kajian mengikut waktu yang ditetapkan. Setinggi-tinggi terima kasih kami hulurkan kepada Pn Lina Mursyidah Hamzah, pegawai penyelidik kami yang banyak membantu dalam perhubungan dan persiapan-persiapan setiap agenda mesyuarat dan bengkel dan juga penganalisisan data.

Pada Allah jua kami mohon berkat dan rahmatNya untuk semua yang terlibat yang nama tidak dapat disebutkan sepenuhnya.

Ahli Panel Pasukan Penyelidikan Penambahbaikan KAFA

1. Prof Dr Rosnani Hashim, UIAM – Ketua Pasukan
2. Prof Madya Dr Adnan Abd Rashid, UIAM
3. Prof Madya Dr Aderi Che Noh, UKM
4. Dr. Mohammad Zaini Yahaya, UKM
5. Ust Zulquarnain Ali, IPG Tg Ampuan Afzan Pahang
6. Pn. Lina Mursyidah Hamzah, Pegawai Penyelidik..

ISI KANDUNGAN

Abstrak	iii
Penghargaan	iv
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	xi
BAB SATU PENDAHULUAN	1
1.0 Latar Belakang	1
2.0 Tinjauan Kajian Tentang Kelas KAFA	1
3.0 Objektif Kajian	4
4.0 Soalan Penyelidikan	4
5.0 Kepentingan Kajian	5
6.0 Metodologi Kajian	5
7.0 Proses Pengumpulan Data dan Analisis	9
BAB DUA PERBANDINGAN KURIKULUM KAFA DAN PENDIDIKAN ISLAM KSSR ..	12
1.0 Falsafah Pendidikan KAFA	12
1.1 Objektif Program KAFA	12
1.2 Objektif Pengajaran KAFA	12
2.0 Penelitian Kandungan Sukatan Pelajaran KAFA dan KSSR	13
3.0 Persediaan Menghadapi Cabaran Masa Depan	22
BAB TIGA HASIL KAJIAN DARIPADA SOAL SELIDIK GURU KAFA	24
1.0 Bahagian A: Latar Belakang	24
2.0 Bahan Sumber Mengajar	27
3.0 Kaedah Pengajaran Al-Quran	30
4.0 Kaedah Pengajaran Umum Komponen Pendidikan Islam Lain	31
5.0 Kandungan Sukatan Pelajaran KAFA	34
6.0 Falsafah Pendidikan KAFA	38
7.0 Pertindihan antara kurikulum KAFA dan SK	40
8.0 Pentaksiran	41
8.1 Pentaksiran Kemahiran Jawi, Fardhu Ain dan Kemahiran Guru	44
9.0 Cabaran, masalah dan sikap guru	46
BAB EMPAT HASIL ANALISIS PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS GURU KAFA.	49
1.0 Pengenalan	49
2.0 Falsafah, Matlamat dan Objektif	50
3.0 Sukatan Pelajaran	52
4.0 Kaedah Pengajaran	58
5.0 Pertindihan antara SK dan KAFA	64
6.0 Pentaksiran dan Penilaian	68
7.0 Umum	71
8.0 Rumusan Dapatan	72
BAB LIMA RUMUSAN PERSPEKTIF GURU	75
1.0 Falsafah, Objektif Kurikulum	75

2.0 Bahan Sumber Pembelajaran dan Pengajaran	75
3.0 Kaedah Pengajaran	75
4.0 Sukatan Pelajaran	76
5.0 Pentaksiran dan Penilaian	77
6.0 Persamaan (Pertindihan) dan Perbezaan antara kurikulum	77
7.0 Cabaran dan Masalah yang dihadapi oleh Guru dan Murid KAFA	78
BAB ENAM ANALISIS SOAL SELIDIK MURID KAFA	80
1.0 Bahagian A : Demografi	80
2.0 Bahagian B : Perbandingan Sukatan Pelajaran KAFA dan SK	81
3.0 Bahagian C I : Kaedah Pengajaran dan Penilaian	88
4.0 Bahagian C II : Pencapaian Kompetensi Murid (Pencapaian Kompeten)	93
BAB TUJUH ANALISIS PKF MURID KAFA TULEN DAN KAFA SK	96
1.0 Pengenalan	96
2.0 Falsafah, Matlamat dan Objektif	96
3.0 Pertindihan Sekolah KAFA dan PI SK: Sukatan Pelajaran	103
4.0 Kompetensi Murid dalam akademik	114
5.0 Aktiviti Sekolah dan Pendidikan Islam	117
6.0 Umum	121
7.0 Kesimpulan	125
BAB LAPAN RUMUSAN TENTANG KELAS KAFA: PERSPEKTIF MURID	128
1.0 Pengenalan	128
2.0 Persepsi Murid Terhadap Kelas KAFA	128
3.0 Perbandingan Kurikulum KAFA dan Pendidikan Islam SK	129
4.0 Kaedah Pengajaran Guru	134
5.0 Pentaksiran dan Penilaian	136
6.0 Pencapaian Kompetensi Murid (Pencapaian Komponen)	139
7.0 Isu dan masalah	140
8.0 Kesimpulan	142
BAB SEMBILAN PENCAPAIAN OBJEKTIF DAN TAHAP PENGUASAAN HASIL PEMBELAJARAN	144
1.0 Pengenalan	144
2.0 Penilaian Kertas Ujian UPKK	144
3.0 Pencapaian Objektif dan Penguasaan Hasil Pembelajaran	144
4.0 Hasil Kajian Penelitian Kertas Soalan UPKK 2015	146
5.0 Masalah Pelaksanaan UPKK	148
6.0 Cadangan untuk Menambahbaik Soalan UPKK	148
7.0 Cadangan Mengemaskini Pelaksanaan Pengajaran KAFA	149
BAB SEPULUH RINGKASAN, PERBINCANGAN HASIL KAJIAN DAN CADANGAN ..	150
1.0 Ringkasan	150
2.0 Pencapaian Objektif SP dan Penguasaan Hasil Pembelajaran	151
3.0 Kekurangan dan Kekuatan SP KAFA	152
4.0 Persamaan (Pertindihan) dan Perbezaan Antara Kurikulum	158
5.0 Cabaran dan Masalah yang Dihadapi oleh guru dan Murid KAFA	159
6.0 Hasil Kajian Perspektif Murid	161
7.0 Cadangan Penambahbaikan Kurikulum KAFA	163

8.0 Penilaian dan Pentaksiran	166
9.0 Cadangan Umum	167
RUJUKAN	169
LAMPIRAN.....	170
Lampiran 1 Petikan Soal Selidik Guru KAFA	170
Lampiran 2 Petikan Soal Selidik Murid KAFA	177
Lampiran 3 Soalan PKF Guru KAFA.....	183
Lampiran 4 Soalan PKF Murid KAFA.....	185
Lampiran 5 Perbandingan Kandungan KSSR P. Islam dengan Kurikulum KAFA..	187